

# UPM terus unggul seiring pemodenan negara

**S**EPERTI manusia yang menjalani proses pembesaran – daripada bayi, kanak-kanak, remaja sehingga menjadi dewasa yang matang dengan keupayaan mempamerkan keunggulan dan kecemerlangan sepanjang hayatnya, begitu lah diibaratkan kepada Universiti Putra Malaysia (UPM) yang genap 75 tahun penubuhannya, hari ini.

UPM menerusi perubahan secara evolusi – daripada hanya sebuah sekolah pertanian, pada awal penubuhannya, 23 Mei 1931 – menjadi Kolej Pertanian (1947) sebelum diiktiraf sebagai Universiti Pertanian Malaysia dan ditukar kepada Universiti Putra Malaysia pada 1997.

UPM yang menyambut Jubli Intan kini dilihat semakin matang dengan mewarnai dunia pendidikan tinggi di negara ini serta melahirkan ramai graduan berkualiti. Pencapaiannya tidak hanya bertujuan untuk melahirkan graduan dan kegiatan penyelidikan berasaskan pertanian, malah mewujudkan kepelbagaian bidang dan disiplin selari perkembangan pembangunan negara.

Naib Canselor UPM, Prof Dr Nik Mustapha R Abdullah, yang hampir enam bulan memegang jawatan itu, mengaku UPM adalah sebuah universiti yang hebat, matang dan ada kelas tersendiri. Ia dapat menyumbang dan memberikan impak yang jauh lebih besar kepada kemajuan negara dan kesejahteraan manusia.

Katanya, pada asas dan awal penubuhannya UPM hanya menumpukan kepada tiga fakulti iaitu Fakulti Pertanian, Perhutanan serta Veterina dan Sains Kesihatan. Kemudian pada 1974, Fakulti Ekonomi Sumber dan Perniagaan Tani diwujudkan.

Seterusnya, UPM bergerak dengan begitu pantas dengan penubuhan fakulti baru termasuk Fakulti Sains; Kejuruteraan; Pendidikan serta Sains dan Teknologi Ma-

kepada industri pengeluaran serta Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) pada sekitar 1990-an, UPM dengan sendirinya turut berkembang tanpa mengetepikan bidang pertanian.

Dengan itu wujudnya Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat; Fakulti Perubatan; Fakulti Sains dan Alam Sekitar; Fakulti Teknologi Bioteknologi dan Sains Biomolekul.

Ketika ini, UPM mempunyai 17 fakulti dan 16 institut dan dua akademi. Ini adalah jumlah yang besar tidak termasuk institut lain seperti Institut Pengembangan Pertanian.

Penekanan UPM juga tepat kerana mempunyai fakulti yang besar dan ini memberikan banyak kelebihan kepada universiti berkenaan, selain 70 peratus kakitangannya terbabit dalam bidang sains dan teknologi.

**“***Kita tidak mahu lagi pertanian bersifat tradisional, sebaliknya berbentuk baru. Ini adalah agenda Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk memartabatkan bidang itu termasuk menggunakan pakai bioteknologi”*

**Prof Dr Nik Mustapha R Abdullah**

Melihat kepada kronologi UPM, jelas menyaksikan kewujudannya matang mengikut peredaran zaman, keperluan dan penumpuan negara. Malah, palitan perubahan itu dapat dilihat pada nama jalan di dalam kampus induk UPM, Serdang, Selangor yang seluas 1,200 hektar turut mempamerkan perpindahan minda warga institusi pengajian itu seiring dengan perkembangan semasa.

Prof Dr Nik Mustapha berkata, apa yang pasti sektor pertanian itu diberi nafas baru dan dilakukan dalam bentuk baru. Geran penyelidikan yang diperoleh di bawah Rancangan Malaysia Keenam (RMK-6) sehingga RMK-9, menunjukkan 70 peratus adalah berteraskan pertanian dan banyak penyelidikan yang dibuat.

Sebagai universiti pertanian, UPM menjalankan banyak penyelidikan berasaskan pertanian dan sebilangannya sudah diko-

mersialkan pada peringkat tempatan dan antarabangsa.

Pada masa ini, UPM mempunyai 90 penemuan penyelidikan yang sedang menunggu untuk dipatenkan, manakala lebih 30 sudah dikomersialkan. Pada peringkat antarabangsa pula, UPM menunjukkan pencapaian membanggakan sepanjang 2001 hingga 2005 apabila memenangi 20 anugerah antarabangsa dalam bidang berasaskan pertanian.

UPM juga mendapatkan geran sebanyak RM1.7 bilion untuk melakukan penyelidikan serta mempunyai dana sains dan tekno, selain RM200 juta bagi penyelidikan asas, selain dana bioteknologi.

Dari aspek lain, graduan keluaran UPM akan memberi sumbangan besar ke arah pembangunan dan memodenkan sektor pertanian di negara ini, khususnya di luar bandar.

“Mereka juga akan bekerja. Di ibu pejabat pertanian negeri dan daerah, mereka turut menyumbang menyebarkan teknologi baru dalam bidang pertanian di luar bandar.

“Kita tidak mahu lagi pertanian bersifat tradisional, sebaliknya berbentuk baru. Ini adalah agenda Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk memartabatkan bidang itu termasuk menggunakan pakai bioteknologi,” kata Prof Dr Nik Mustapha.

Kajian yang dilakukan oleh Penganasan UPM, mendapati selepas enam bulan menamatkan pengajian, 75 peratus graduan-nya mendapat pekerjaan pada pelbagai sektor, manakala selebihnya masih menunggu pekerjaan.

Sasaran UPM adalah untuk menjadi antara 20 universiti terbaik di Asia dan berusaha meletakkan sekurang-kurangnya pada kedudukan ke-80 daripada 100 universiti terbaik dunia.

